

Headline	Saran TH ceburi industri teknologi tinggi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Jan 2014	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	407,786
Page No	54	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	123 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,536
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,607



# Saran TH ceburi industri teknologi tinggi

**Petaling Jaya:** Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan Lembaga Tabung Haji (TH) dan dana lain menceburi pelaburan dalam industri berteknologi tinggi.

"Malaysia mempunyai pelbagai tabung dengan dana mencecah berbilion ringgit, tetapi kebanyakan pelaburan tertumpu kepada pembangunan bangunan pencakar langit sedangkan pelaburan dalam sektor industri canggih juga sebenarnya boleh membantu menjadikan kita negara maju," katanya.

Beliau berkata, pembinaan bangunan tidak menggunakan teknologi tinggi, bahkan kebanyakan pekerja mereka adalah warga asing, yang akhirnya akan menyulurkan pendapatan mereka keluar dari negara ini.

"Sekiranya kita menceburi dalam industri berteknologi tinggi, kita dapat menggunakan kepakaran saintis dan jurutera kita dengan memberikan ganjaran lebih tinggi, selaras dengan sasaran kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi," katanya selepas menyampaikan

ucaptama pada seminar Pengarah Korporat keenam anjuran Tabung Haji, di sini, semalam.

Bagaimanapun beliau berkata, ukuran bagi sebuah negara maju bukan terletak pada pendapatan per kapita dan pendapatan kasar negara sahaja, malah turut dilihat dari aspek kecanggihan dan kemajuan teknologi yang ada.

Katanya, banyak negara Islam, sebagai contoh, mempunyai pendapatan per kapita yang sangat tinggi, namun tidak dilihat sebagai negara maju memandangkan

ia tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran tinggi.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Ismee Ismail berkata, secara kebetulannya TH sedang meneliti beberapa cadangan pelaburan dalam industri berkenaan.

Beliau berkata, kemungkinan besar TH akan mengkaji beberapa pelaburan dalam bidang itu selain pelaburan sedia ada seperti hartanah, pelaburan tetap dan saham. - BERNAMA